



KETEGASAN RASULULLAH BERHUBUNG ISU AKIDAH: ANALISIS HADIS-HADIS BERKAITAN GEREJA DAN SALIB

(The Prophet's Stringent Attitude on The Issues of Faith: An Analysis on Ahadith Related to the Church and Cross)

Ahmad Sanusi Azmi¹ & Rahim Kamarul Zaman²

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

²Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

Abstract

The organisation of the “Jom Ziarah Gereja” programme under the purview of the Youth and Sports Ministry has spark an intense debate recently. Scholars, muftis, and authoritative parties express their respective views on the issue that are seen to be related to the faith of Muslims. There are among those who take a firm stand, rejecting the clearance that opens the door for Muslims to explore and delve into the activities behind the worship rooms of other religions. While the others restricted with conditional permission, for those who want to enter a church, monastery or any premises that carry out ritual activities for non-Muslims. This paper explores hadiths that are related to the issue of entering a non-Muslim house of worship. The analysis on the sources of related hadith is focusing to matan involving church institutions only, in accordance with the polemics that are floating around in society. The stance and actions of the previous companions, tabi'in and salafussoleh are also included in this study to provide an inclusive and conclusive picture of the issues highlighted. The findings of this study found that the Prophet ﷺ was strict towards elements of other religions that were seen trying to exert influence on Muslims. Even so, conditional consent is given in some situations that are deemed to be essential that require Muslims to enter the church.

Keywords: Hadith, church, monastery, cross, worship, rigor, faith

Article Progress

Received: 11 September 2023

Revised: 13 November 2023

Accepted: 19 November 2023

*Corresponding Author:

Ahmad Sanusi Azmi
Fakulti Pengajian Quran
Sunnah, Universiti Sains
Islam Malaysia.

Email:

sanusi@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Polemik berhubung kempen ziarah ke rumah ibadah bukan Islam telah menjadi topik perbahasan yang hangat baru-baru ini. Para sarjana, mufti serta pihak yang berautoriti dalam bidang agama meluahkan pandangan masing-masing dalam isu yang dilihat mempunyai hubung-kait dengan akidah umat Islam. Ada dalam kalangan mereka yang berpendirian tegas, menolak kebenaran yang membuka pintu buat umat Islam untuk meninjau dan menyelami aktiviti di sebalik kamar ibadah agama lain. Tidak kurang juga yang memberikan kelonggaran bersyarat, bagi mereka yang ingin memasuki gereja, biara atau mana-mana premis yang melaksanakan aktiviti ritual bagi golongan bukan Islam. Kertas kerja ini meneroka hadis-hadis yang mempunyai perkaitan dengan isu memasuki rumah ibadah bukan Islam. Penerokaan terhadap sumber-sumber hadis ini dikhususkan kepada matan yang melibatkan institusi gereja sahaja, sesuai dengan polemik yang berlegar dalam masyarakat. Pendirian dan tindakan para sahabat, tabi'in serta salafussoleh terdahulu turut dimuatkan dalam kajian ini bagi memberikan gambaran yang inklusif dan konklusif dalam isu yang diketengahkan. Dapatan kajian ini mendapati, Rasulullah ﷺ bersikap tegas terhadap unsur-unsur agama lain yang dilihat berupaya memberikan pengaruh terhadap umat Islam. Pun begitu, kelonggaran diberikan dalam beberapa perihal yang dilihat mustahak yang memerlukan umat Islam untuk masuk ke dalam gereja.

KETEGASAN RASULULLAH TERHADAP ELEMEN KEKUFURAN

Penerokaan terhadap hadis-hadis nabi menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ bersikap amat sensitif terhadap elemen yang memperlihatkan kekufuran. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, Saidatina Aisyah menukilkan dialog di antara Rasulullah ﷺ dengan Ummu Habibah dan Ummu Salamah. Di sinilah terpamer ketegasan Baginda dalam isu yang menyentuh elemen-elemen syirik yang terpahat dalam sebuah gereja. Kata Aisyah:

أَنَّ أُمَّ حَبِيبَةَ، وَأُمَّ سَلَمَةَ ذَكَرَتَا كَنِيسَةً رَأَيْنَهَا بِالْحَبَشَةِ فِيهَا تَصَاوِيرُ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَوْلَيْكَ، إِذَا كَانَ فِيهِمُ الرَّجُلُ الصَّالِحُ، فَمَاتَ، بَنَوْا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا، وَصَوَّرُوا فِيهِ تِلْكَ الصُّوْرَ، وَأَوْلَيْكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Sesungguhnya Ummu Habibah dan Ummu Salamah menyebutkan kepada Rasulullah ﷺ mengenai gereja yang mereka saksikan di Habsyah yang terdapat di dalamnya gambar-gambar. Lantas Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya mereka itu, apabila terdapat lelaki yang soleh meninggal, mereka akan mendirikan binaan di atas kubur mereka sebagai masjid (tempat ibadah), lalu dibuat gambar-gambar. Itulah seburuk-buruk kejadian (binaan) di sisi Allah pada hari kiamat kelak.”¹

Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam Ibn Rajab menjelaskan bahawa sikap tegas Rasulullah ﷺ itu bermuara dari penolakan terhadap gambaran yang salah yang dibawa oleh pembesar agama terhadap orang soleh dan para Nabi. Atas sebab itu Ibn Rajab menjelaskan:

فلهذا ذكر النبي - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - هذا الكلام عند ذكر الكنائس، وما فيها من الصور، وكفى بذلك ذما للكنائس المصور فيها، وأنها بيوت ينزل على أهلها الغضب والسخط، فلا ينبغي للمسلم أن يصلي فيها.

“Dengan sebab itulah Nabi ﷺ mengungkapkan perkataan (hadis sedemikian) apabila disebutkan di sisinya mengenai gereja-gereja dan gambar-gambar yang terdapat di dalamnya. Dan memadailah dengan (ketegasan) itu satu kehinaan buat gereja-gereja yang diletakkan gambar-gambar di dalamnya. Dan ia merupakan rumah-rumah (ibadah) yang ditimpakan ke atas ahlinya kemarahan serta kemurkaan (Allah). Oleh itu tidak seharusnya bagi seorang muslim untuk mendirikan solat di dalamnya.”²

Kewujudan elemen grafik ini dilihat menjadi punca utama yang mengundang ketegasan Baginda. Malah, sebahagian mazhab yang melarang keras umat Islam dari memasuki gereja itu adalah disebabkan kerana unsur lukisan sedemikian. Ketegasan baginda Nabi ﷺ ini pernah direkodkan oleh al-Bukhari yang menyatakan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا رَأَى الصُّوْرَ فِي الْبَيْتِ لَمْ يَدْخُلْ حَتَّى أَمَرَ بِهَا فَمُحِيتْ

“Sesungguhnya Nabi ﷺ apabila Baginda melihat gambar-gambar di dalam sesebuah rumah, Baginda tidak masuk ke rumah itu melainkan Baginda akan memerintahkan agar gambar tersebut dihilangkan.”³

Pendirian tegas Rasulullah ﷺ ini turut di warisi oleh Saidina Umar. Menurut al-Bukhari, apabila dijemput untuk menunaikan solat di dalam gereja, Umar membalas:

¹ Sahih al-Bukhari, no: 427 dan Sahih Muslim, no: 16-528. Menurut Sheikh Fuad Abd al-Baqi, perkataan (أَوْلَيْكَ) yang dibariskan dengan baris bawah adalah khitab li al-mu'annath, yang ditujukan kepada gereja-gereja tersebut.

² Ibn Rajab al-Hanbali, Fath al-Bari, Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyyah, 1996, 3/242-243.

³ Sahih al-Bukhari

إِنَّا لَا نَدْخُلُ كَنَائِسِكُمْ مِنْ أَجْلِ التَّمَاثِيلِ الَّتِي فِيهَا الصُّورُ

“Kami tidak masuk ke gereja kamu disebabkan patung-patung serta gambar-gambar yang terkandung di dalamnya (iaitu yang mempunyai unsur syirik).⁴

Al-Bukhari turut menukilkan bahawa Saidina Abdullah bin Abbas berpegang kepada pendirian yang membolehkan seseorang itu menunaikan solat di rumah ibadah agama lain, melainkan rumah ibadah yang terdapat di dalamnya gambar. Kata al-Bukhari:

وَكَانَ ابْنُ عَبَّاسٍ: يُصَلِّي فِي الْبَيْعَةِ إِلَّا بَيْعَةً فِيهَا تَمَاثِيلُ

“Dan sesungguhnya Ibn Abbas itu menunaikan solat dalam biara, melainkan biara yang mempunyai patung-patung di dalamnya.⁵

SENSITIVITI TERHADAP ELEMEN SALIB

Selain gambar dan patung, elemen salib dalam gereja turut berupaya mengundang ketegasan Baginda Nabi. Menurut Saidatina Aisyah, Rasulullah ﷺ sangat sensitif dengan lambang salib. Perkara ini diriwayatkan oleh al-Bukhari yang menyebutkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «لَمْ يَكُنْ يَتْرُكُ فِي بَيْتِهِ شَيْئًا فِيهِ تَصَالِيبٌ إِلَّا نَقَضَهُ

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ tidak akan meninggalkan sesuatu yang mempunyai lambang salib di dalam rumahnya melainkan Baginda akan mengubah lambang tersebut. (HR al-Bukhari).

Menurut al-Imam Ibn Hajar, hadis ini menggambarkan betapa Rasulullah ﷺ tidak reda terhadap sebarang syiar kekufuran. Bahkan syiar ini merupakan satu penipuan ke atas Nabi Isa kerana di dalam al-Quran, Allah menjelaskan bahawa Nabi Isa tidak pernah disalib. Firman Allah:

وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شُبِّهَ لَهُمْ

“Dan mereka berkata: Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih Isa bin Maryam (iaitu seorang) Rasulullah. Padahal mereka tidak membunuh beliau bahkan mereka tidak juga menyalibnya akan tetapi mereka telah dikelirukan.” (Surah al-Nisa’: 157).

Reaksi yang sama turut pernah dilakukan oleh Saidatina Aisyah. Saidatina Aisyah pernah meminta seorang wanita supaya meninggalkan kain yang mempunyai lambing salib. Perkara ini direkodkan oleh al-Imam Ahmad yang menyebutkan:

كُنَّا نَطُوفُ بِالْبَيْتِ مَعَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ، فَرَأَتْ عَلَى امْرَأَةٍ بُرْدًا فِيهِ تَصْلِيبٌ، فَقَالَتْ أُمُّ الْمُؤْمِنِينَ: " اطْرَحِيهِ اطْرَحِيهِ، فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَأَى نَحْوَ هَذَا قَضَبَهُ

“Kami pernah menunaikan tawaf bersama dengan Ummu al-Mukminin Aisyah. Apabila beliau terlihat kain yang terdapat lambang salib pada seorang wanita, Aisyah lantas berkata: Tinggalkan kain ini,

⁴ Sahih al-Bukhari, 1/94.

⁵ Sahih al-Bukhari, 1/94

tanggalkannya. Sesungguhnya Rasulullah ﷺ sekiranya Baginda melihat lambang salib, maka Baginda akan mencabutnya.

Begitu sensitif Rasulullah dan Saidatina Aisyah dengan lambang salib. Lambang ini telah menjadi syiar kekufuran bahkan syiar penipuan ke atas Nabi Isa. Bahkan di dalam hadis yang sahih, Rasulullah ﷺ menjelaskan bahawa apabila tiba hari kiamat nanti, Nabi Isa sendiri akan menghapuskan lambang salib. Sabda Rasulullah:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَنْزَلَ فِيكُمْ ابْنُ مَرْيَمَ حَكَمًا مُقْسِطًا، فَيَكْسِرَ الصَّلِيبَ

“Tidak akan berlaku hari kiamat melainkan akan turunnya Nabi Isa dan Baginda akan menjalankan hukuman yang adil dan menghapuskan (lambang-lambang) salib.”⁶

RASULULLAH PERNAH MASUK KE DALAM GEREJA

Dalam ketegasan tersebut, ini tidak bererti Rasulullah ﷺ tidak pernah masuk ke dalam gereja. Berdasarkan sumber-sumber dari karya hadis, sekurang-kurangnya terhadap dua insiden yang menunjukkan Rasulullah ﷺ pernah memasuki gereja. Namun ia mempunyai tujuan yang sangat jelas iaitu:

(1) Rasulullah Masuk Gereja Untuk Menyelamatkan Yahudi

Berdasarkan riwayat Ahmad dan Ibn Abi Syaibah, Rasulullah ﷺ diriwayatkan pernah memasuki sebuah gereja untuk menyelamatkan seorang Yahudi yang beriman kepada Allah dan Rasul. Tindakan Baginda ﷺ itu adalah bagi memastikan lelaki Yahudi yang beriman itu dimasukkan ke dalam syurga. Episod tersebut diceritakan oleh Saidina Ibn Mas'ud dalam lafaznya yang menyebutkan:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ ابْتَعَثَ نَبِيَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِإِدْخَالِ رَجُلٍ إِلَى الْجَنَّةِ، فَدَخَلَ الْكَنِيسَةَ، فَإِذَا هُوَ بِيَهُودَ، وَإِذَا يَهُودِيٌّ يَفْرَأُ عَلَيْهِمُ التَّوْرَةَ، فَلَمَّا أَتَوْا عَلَى صِفَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَمْسَكُوا، وَفِي نَاحِيَّتِهَا رَجُلٌ مَرِيضٌ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَا لَكُمْ أَمْسَكْتُمْ؟ " قَالَ الْمَرِيضُ: " إِيَّاهُمْ أَتَوْا عَلَى صِفَةِ نَبِيِّ، فَأَمْسَكُوا، ثُمَّ جَاءَ الْمَرِيضُ يَجْبُو، حَتَّى أَخَذَ التَّوْرَةَ، فَقَرَأَ حَتَّى أَتَى عَلَى صِفَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأُمَّتِيهِ، فَقَالَ: هَذِهِ صِفَتُكَ وَصِفَةُ أُمَّتِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ، ثُمَّ مَاتَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ: " لَوْ أَحَاكُمْ

“Sesungguhnya Allah AWJ telah mengutuskan Nabi ﷺ untuk memasukkan seorang lelaki ke dalam syurga. Lalu Nabi telah masuk ke dalam gereja dan di dalamnya terdapat kaum Yahudi yang sedang membaca Taurat. Maka apabila mana bacaan mereka telah sampai kepada sifat Nabi ﷺ, mereka menghentikan bacaan Taurat tersebut. Sedangkan di sebuah sudut dalam gereja tersebut terdapat seorang lelaki yang sedang sakit. Lalu Rasulullah bertanya kepada semua Yahudi (yang membaca Taurat) itu: Mengapa kamu semua menghentikan bacaan? (Yahudi itu semua tidak menjawab) Lalu lelaki yang sakit (yang berada di sudut gereja) itu berkata: Sesungguhnya bacaan mereka telah sampai kepada sifat seorang Nabi, lalu mereka menahan bacaan mereka. Lalu datanglah lelaki yang sakit itu dalam keadaan merangkak sehingga beliau mengambil Taurat dan dia membacanya yang menyentuh sifat Nabi ﷺ dan umatnya. Lalu lelaki itu berkata: Ini adalah sifatmu dan sifat umatmu. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya engkau adalah Rasulullah. Kemudian lelaki

⁶ Sahih al-Bukhari,

yang sakit tersebut meninggal dunia. Maka Rasulullah berkata kepada para sahabat: Uruskanlah (jenazah) saudara kamu.”⁷

(2) Rasulullah Masuk ke Gereja Madinah Atas Urusan Dakwah

Dalam riwayat yang lain, al-Imam Ahmad turut menuliskan insiden di mana Rasulullah ﷺ masuk ke Madinah atas urusan dakwah, untuk menyeru kaum Yahudi agar beriman. Pihak Yahudi bersikap dingin terhadap perilaku Rasulullah ﷺ tersebut sehinggalah muncul Saidina Abdullah bin Salam yang menyahut seruan Baginda dan beriman kepada Allah dan Rasul. Episod tersebut dinukilkan seperti berikut:

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: انْطَلَقَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا وَأَنَا مَعَهُ حَتَّى دَخَلْنَا كَنِيسَةَ الْيَهُودِ بِالْمَدِينَةِ، يَوْمَ عِيدِهِمْ، فَكَرِهُوا دُخُولَنَا عَلَيْهِمْ، فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " يَا مَعْشَرَ الْيَهُودِ أَرُونِي اثْنَيْ عَشَرَ رَجُلًا يَشْهَدُونَ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، يُحِبُّ اللَّهُ عَنْ كُلِّ يَهُودِيٍّ تَحْتَ أَدِيمِ السَّمَاءِ الْعَصَبِ، الَّذِي غَضِبَ عَلَيْهِ " قَالَ: فَأَسْكِنُوا مَا أَجَابَهُ مِنْهُمْ أَحَدٌ، ثُمَّ رَدَّ عَلَيْهِمْ فَلَمْ يُجِبْهُ أَحَدٌ، ثُمَّ تَلَّكَ فَلَمْ يُجِبْهُ أَحَدٌ، فَقَالَ: " أَبَيْتُمْ فَوَاللَّهِ إِنِّي لَأَنَا الْحَاشِرُ، وَأَنَا الْعَاقِبُ، وَأَنَا النَّبِيُّ الْمُصْطَفَى، آمَنْتُمْ أَوْ كَذَّبْتُمْ ". ثُمَّ انْصَرَفَ وَأَنَا مَعَهُ حَتَّى إِذَا كِدْنَا أَنْ نَخْرُجَ نَادَى رَجُلٌ مِنْ حَلْفِنَا: كَمَا أَنْتَ يَا مُحَمَّدُ. قَالَ: فَأَقْبَلَ. فَقَالَ ذَلِكَ الرَّجُلُ: أَيُّ رَجُلٍ تَعْلَمُونِي فِيكُمْ يَا مَعْشَرَ الْيَهُودِ؟ قَالُوا: وَاللَّهِ مَا نَعْلَمُ أَنَّهُ كَانَ فِيْنَا رَجُلٌ أَعْلَمَ بِكِتَابِ اللَّهِ مِنْكَ، وَلَا أَفْقَهُ مِنْكَ، وَلَا مِنْ أَيْبِكَ قَبْلَكَ، وَلَا مِنْ جَدِّكَ قَبْلَ أَيْبِكَ. قَالَ: فَإِنِّي أَشْهَدُ لَهُ بِاللَّهِ أَنَّهُ نَبِيُّ اللَّهِ، الَّذِي تَجِدُونَهُ فِي التَّوْرَةِ، قَالُوا: كَذَّبْتَ، ثُمَّ رَدُّوا عَلَيْهِ قَوْلَهُ، وَقَالُوا فِيهِ شَرًّا، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " كَذَّبْتُمْ لَنْ يُقْبَلَ قَوْلُكُمْ، أَمَا أَنْفًا فَتُتْنُونَ عَلَيْهِ مِنَ الْخَيْرِ مَا أَنْتَيْتُمْ، وَلَمَّا آمَنْتُمْ أَكْذَبْتُمُوهُ، وَقُلْتُمْ فِيهِ مَا قُلْتُمْ، فَلَنْ يُقْبَلَ قَوْلُكُمْ ". قَالَ: فَخَرَجْنَا وَخَرَجْنَا ثَلَاثَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَنَا وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ، وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فِيهِ: { قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كَانَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَكَفَرْتُمْ بِهِ وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى مِثْلِهِ فَأَمَنْ وَاسْتَكْبَرْتُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ } [الأحقاف: 10]

Daripada Auf bin Malik, dia menceritakan bahawa: Pada suatu hari Nabi ﷺ keluar bertolak dan aku aku pergi bersama baginda sehinggalah kami masuk ke dalam gereja Yahudi di Madinah pada hari raya mereka. Mereka tidak menyukai kami yang memasuki kepada mereka itu lalu Rasulullah ﷺ bersabda kepada mereka: “Wahai sekalian orang-orang Yahudi, beritahulah kepadaku dua belas orang Yahudi yang bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan Allah, mudah-mudahan Allah akan menggugurkan kemurkaan yang ditimpakan dari setiap yahudi yang ada di bawah rongga langit!”

Mereka semua (Yahudi tersebut) diam dan tidak ada seorang pun yang menjawab. Baginda mengulangi lagi (seruan tersebut) tetapi tidak ada yang menjawab, baginda mengulangi kali ketiganya namun masih tiada juga yang menjawab. Lantas Baginda bersabda: “Kamu semua enggan, demi Allah sesungguhnya aku adalah pengumpul, aku yang terakhir, aku nabi pilihan, sekalipun kamu beriman atau pun mendustakan.” Setelah itu Baginda beredar dan aku bersama dengan baginda sehingga kami hampir keluar lalu ada seseorang di belakang kami memanggil lantas berkata: “Engkau benar wahai Muhammad. Lalu Baginda menoleh dan bersabda: “Siapa pun orang itu kamu pasti mengenalinya wahai

⁷ Musnad Ahmad, no: 3951- al-Arna'ut nilai daif - Abu Ubaydah tidak dengar Ibn Mas'ud; Musannaf Ibn Abi Syaibah, no: 36556. Menurut al-Imam al-Sindi, perkataan “Luu Akhakum” dihujung hadis tersebut membawa maksud: قوموا بأمره وتكفيته وتجهيزه: فإنه مسلم منكم (bangunlah kamu dengan urusan mengkafkannya, dan menguruskannya, sesungguhnya dia adalah muslim seperti kamu - lihat Hasyiah al-Sindi).

sekalian orang-orang Yahudi.” Mereka berkata: Demi Allah, kami tidak mengetahui seorang pun di antara kami yang lebih mengetahui kitab Allah melebihi kamu, tidak ada yang lebih faham darimu, yang melebihi ayahmu dan juga datukmu sebelum ayahmu. Orang itu berkata: “Aku bersaksi untuknya atas nama Allah bahawa dia adalah Nabi yang diutus oleh Allah yang kamu semua dapatinya dalam Taurat. Mereka berkata: “Kamu berdusta. Mereka membantah pernyataan orang itu dan mereka mengatakan keburukan tentangnya.”

Rasulullah ﷺ bersabda: “Kamu semualah yang berdusta dan perkataan kamu tidak akan diterima, baru sahaja kamu semua memujinya dengan baik, namun saat dia beriman kamu mendustakannya dan kamu mengatakan seperti itu padanya, perkataan kamu tidak akan diterima.” Kami keluar (dari gereja itu) dan jumlah kami menjadi tiga orang; Rasulullah ﷺ, aku (Auf bin Malik) dan Abdullah bin Salam. Allah AWJ menurunkan ayat berkenaan dengannya: “Katakanlah lagi: "Bagaimana fikiran kamu jika Al-Quran ini (yang datang) dari Allah dan kamu mengingkarinya, pada hal ada seorang saksi dari Bani Israil memberi keterangan mengakui (sahnya Kitab) yang sama seperti Al-Quran ini, lalu ia percayakan (Al-Quran ini dari Allah), sedang kamu dengan sombong angkuh mengingkarinya? (Tidakkah dengan yang demikian kamu bersifat zalim)? Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim (yang degil dalam kekufurannya)". (Surah al-Ahqaf: 10)⁸

MASUK KE GEREJA ATAS URUSAN PENTING

Selain daripada Rasulullah, terdapat juga beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa sahabat mahupun tabi'in dilihat pernah masuk ke dalam gereja atas urusan yang penting. Dalam riwayat Ahmad, Sa'id bin Abu Rasyid (orang suruhan kepada keluarga Saidina Muawiyah) telah menceritakan kisah pertemuannya dengan seorang lelaki yang pernah menjadi duta Kaisar untuk bertemu dengan Rasulullah. Pertemuan tersebut membawa kepada penceritaan mengenai kisah beliau bertemu dengan Rasulullah setelah berlangsungnya Perang Tabuk. Kemasukan Sa'id ke dalam gereja tersebut bukanlah atas urusan yang remeh, tetapi untuk mendapatkan maklumat penting mengenai pertemuan Rasulullah dengan utusan Kaisar tersebut. Kata Sa'id:

قَدِمْتُ الشَّامَ فَقِيلَ لِي: فِي هَذِهِ الْكَنِيسَةِ رَسُولٌ قَبِصَرَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: فَدَخَلْنَا الْكَنِيسَةَ، فَإِذَا أَنَا بِشَيْخٍ كَبِيرٍ، فَقُلْتُ لَهُ: أَنْتَ رَسُولٌ قَبِصَرَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ فَقَالَ: نَعَمْ. قَالَ: قُلْتُ: حَدِّثْنِي عَنْ ذَلِكَ. قَالَ: إِنَّهُ لَمَّا غَزَا تَبُوكَ، كَتَبَ إِلَى قَبِصَرَ كِتَابًا، وَبَعَثَ بِهِ مَعَ رَجُلٍ يُقَالُ لَهُ دَحِيهٌ بْنُ حَلِيفَةَ، فَلَمَّا قَرَأَ كِتَابَهُ وَضَعَهُ مَعَهُ عَلَى سَرِيرِهِ، وَبَعَثَ إِلَى بَطَارِقَتِهِ وَرُءُوسِ أَصْحَابِهِ، فَقَالَ: إِنَّ هَذَا الرَّجُلَ قَدْ بَعَثَ إِلَيْكُمْ رَسُولًا، وَكَتَبَ إِلَيْكُمْ كِتَابًا يُخَيِّرُكُمْ إِحْدَى ثَلَاثٍ: إِمَّا أَنْ تَتَّبِعُوهُ عَلَى دِينِهِ، أَوْ تُقْرَؤُوا لَهُ بِخَرَاجٍ يَجْرِي لَهُ عَلَيْكُمْ وَتُقَرَّرَ عَلَى هَيْئَتِكُمْ فِي بِلَادِكُمْ، أَوْ أَنْ تُلْقُوا إِلَيْهِ بِالْحَرْبِ. قَالَ: فَنَحَرُوا نَحْرَهُ حَتَّى حَرَجَ بَعْضُهُمْ مِنْ بَرَانِسِهِمْ، وَقَالُوا: لَا تَتَّبِعْهُ عَلَى دِينِهِ، وَنَدَعُ دِينَنَا وَدِينَ آبَائِنَا، وَلَا نُقْرُ لَهُ بِخَرَاجٍ يَجْرِي لَهُ عَلَيْنَا، وَلَكِنْ نُلْقِي إِلَيْهِ الْحَرْبَ.

“Aku tiba di Syam, lalu aku dimaklumkan bahawa di dalam gereja ini terdapat (seorang lelaki yang pernah menjadi) duta Kaisar untuk bertemu dengan Rasulullah ﷺ. Dia (Sa'id) berkata: Maka kami pun masuk ke dalam gereja itu dan di dalamnya terdapat seorang lelaki tua. Aku berkata kepadanya: Adakah engkau utusan Kaisar kepada Rasulullah? Lelaki itu menjawab: Ya. Aku berkata: Ceritakan kepadaku mengenai pertemuanmu dengan Rasulullah. Lantas lelaki itu menceritakan: Sesungguhnya ia berlaku setelah berlangsungnya Perang Tabuk. Baginda menulis kepada Kaisar satu surat dan mengutus surat tersebut melalui seorang utusan bernama Dihyah bin Khalifah. Ketika mana Kaisar membaca surat tersebut, beliau menjemput utusan itu duduk bersamanya. Kaisar lantas memanggil para pembesar agama istana serta ketua-ketua turusnya dan (apabila mereka tiba), Kaisar berkata: Sesungguhnya lelaki

⁸ (Musnad Ahmad, no: 23984 - isnadnya Sahih atas syarat Muslim)

ini telah diutuskan kepada kamu sebagai seorang Rasul, dan dia telah menulis kepada kamu semua yang memberikan kepada kamu tiga pilihan iaitu; (1) Samada kamu mengikuti agamanya, (2) atau membayar jizyah terhadap hasil yang ada di sisi kamu dan dia akan membiarkan urusannya kekal sedemikian, (3) atau kamu bertemu dengannya melalui jalan perang. (Mendengar seruan Rasulullah itu) Mereka berdengus (marah) sehingga adalah dalam kalangan mereka yang menanggalkan jubah mereka. Dan dengan tegas mereka berkata: Kami tidak akan mengikuti agamanya, kami akan menyeru kepada agama kami dan nenek moyang kami, kami tidak juga akan membayar jizyah, akan tetapi kami akan bertemuinya dalam medan perang.”⁹

Keengganan Kaisar dan para pembesarnya untuk menerima dakwah dan membayar jizyah menjadikan mereka terpaksa melantik seorang lelaki yang menjadi duta buat Kaisar untuk menyampaikan jawapan balas mereka kepada Rasulullah. Di sinilah bermulanya episod lelaki tua tersebut dilantik sebagai duta Kaisar untuk bertemu dengan Rasulullah.

ابْعُونِي رَجُلًا مِّنَ الْعَرَبِ أَكْتُبَ مَعَهُ إِلَيْهِ جَوَابَ كِتَابِهِ. قَالَ: فَأَتَيْتُ وَأَنَا شَابٌّ، فَأَنْطَلِقُ بِي إِلَيْهِ، فَكَتَبَ جَوَابَهُ، وَقَالَ لِي: مَهْمَا نَسِيتَ مِنْ شَيْءٍ فَاحْفَظْ عَنِّي ثَلَاثَ خِلَالٍ: انظُرْ إِذَا هُوَ قَرَأَ كِتَابِي هَلْ يَذْكُرُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ، وَهَلْ يَذْكُرُ كِتَابَهُ إِلَيَّ، وَانظُرْ هَلْ تَرَى فِي ظَهْرِهِ عَلَمًا، قَالَ: فَأَقْبَلْتُ حَتَّى أَتَيْتُهُ وَهُوَ بَبُوكَ فِي حَلْفَةٍ مِنْ أَصْحَابِهِ مُنْتَجِحِينَ.

Lalu Kaisar berkata: Carikan kepadaku seorang lelaki dari Arab yang boleh aku sampaikan bersamanya jawapanku kepadanya (Rasulullah). Dan ketika itulah aku datang dalam keadaan aku masih seorang pemuda. Lalu aku dibawa kepadanya (Kisra) dan dia (Kisra) pun menulis jawabannya dan Kaisar berpesan kepadaku agar bertanya kepada Rasulullah tiga soalan iaitu; Perhatikan, sekiranya dia membawa tulisanku ini, apakah dia akan menyebutkan mengenai siang dan malam? dan adakah dia akan menyebutkan tentang suratnya kepadaku ini? dan perhatikan adakah ada dibelakangnya tanda sesuatu? Lalu aku menerima (perkara tersebut) dan bertolak sehinggalah aku bertemu dengan Rasulullah di mana ketika itu Rasulullah sedang berada di Tabuk, di dalam satu halaqah bersama dengan para sahabat Baginda.”¹⁰

PEMBAHAGIAN HARTA GHANIMAH DAN FAY’ DI GEREJA

Begitu juga dalam riwayat al-Tabarani, sebahagian sahabat dikatakan pernah memasuki gereja atas urusan pembahagian harta ghanimah atau fay’. Insiden tersebut digambarkan oleh Abu al-Yaman al-Hawzani yang menyebutkan:

لَمَّا قَفَلَ النَّاسُ عَامَ غَزْوَةِ قُبْرُصَ وَعَلَيْهِمْ مُعَاوِيَةُ وَمَعَهُ عَامَّةُ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِينَ كَانُوا بِالشَّامِ , فَخَرَجَ إِلَى الْكَنِيسَةِ الَّتِي إِلَى جَانِبِ طَرَسُوسَ الَّتِي يُقَالُ هَا كَنِيسَةُ مُعَاوِيَةَ , وَلِمَقَامِهِ عِنْدَهَا دُعِيَتْ كَنِيسَةُ مُعَاوِيَةَ , فَقَامَ فِي النَّاسِ قَبْلَ أَنْ يَتَفَرَّقُوا إِلَى أَحْيَائِهِمْ فَقَالَ: إِنَّا قَاسِمُونَ عَنَائِمَكُمْ عَلَى ثَلَاثَةِ أَصْهُمٍ...

Ketika mana manusia bergerak dalam sebuah perjalanan pada tahun berlakunya Perang Qubrus (Cyprus), yang mana terdapat bersama dengan mereka Saidina Muawiyah dan juga beberapa orang sahabat Rasulullah SAW yang lain yang berada di Syam. Muawiyah telah keluar menuju ke gereja yang berdekatan dengan Tarsus. Gereja tersebut telah dipanggil sebagai gereja Muawiyah disebabkan kerana beliau pernah melakukan penempatan (atau berdiri) di situ. Lalu beliau berdiri berucap kepada manusia

⁹ Musnad Ahmad, no: 16693, isنادnya dinilai oleh al-Arna`ut sebagai daif disebabkan kerana Said bin Abu Rasyid itu dikategorikan sebagai seorang yang majhul.

¹⁰ Musnad Ahmad, no: 16693.

sebelum mereka pulang ke penempatan masing-masing. Kata Muawiyah: Kita akan bahagikan pembahagian harta ghanimah ini kepada tiga bahagian...¹¹

Ketika pembahagian harta ghanimah ini berlangsung, Saidina Abu Zar telah membantah kaedah pengagihan harta tersebut. Secara zahirnya riwayat al-Tabarani ini membayangkan pembahagian ghanimah yang berlaku di gereja, serta keterlibatan para sahabat termasuklah Saidina Muawiyah dan Saidina Abu Zar yang namanya disebutkan dalam naratif tersebut.

URUSAN SUMPAH DALAM GEREJA

Manakala dalam riwayat al-Bayhaqi pula, kadi Basrah iaitu Ka'ab bin Suwar pernah menjadikan gereja sebagai tempat pelaksanaan sumpah untuk komuniti beragama Yahudi. Perkara ini direkodkan oleh Imam al-Bayhaqi dengan lafaz:

عَنِ ابْنِ سِيرِينَ ، : أَنَّ كَعْبَ بْنَ سُوْرٍ ، أَدْخَلَ يَهُودِيًّا الْكَنِيسَةَ وَوَضَعَ التَّوْرَةَ عَلَى رَأْسِهِ وَاسْتَحْلَفَهُ بِاللَّهِ وَيُذَكِّرُ عَنِ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : " يُسْتَحْلَفُ الْيَهُودِيُّ فِي الْكَنِيسَةِ

Daripada Ibn Sirrin, sesungguhnya Ka'ab bin Suwar pernah memasukkan seorang Yahudi ke dalam gereja, dan meletakkan Taurat di atas kepalanya dan memintanya bersumpah dengan nama Allah. Begitu juga dengan Saidina Abu Musa al-Asy'ari yang menyebutkan: Seorang Yahudi itu akan diminta untuk bersumpah di dalam gereja."¹²

Riwayat ini menunjukkan bagaimana gereja dijadikan oleh pihak berautoriti Muslim ketika itu untuk melaksanakan upacara sumpah dalam kes-kes yang menuntut golongan Yahudi melakukan sedemikian. Dalam isu sebegini, adalah tidak mustahil terdapat pihak berkuasa Muslim sendiri yang mengiringi mereka ke dalam gereja.

IBN MAS'UD BERDIRI DI TANGGA GEREJA MENYAMPAIKAN DAKWAH

Selain urusan pentadbiran dan pengurusan, misi dakwah juga turut pernah diadakan di kawasan gereja. Dalam riwayat al-Bayhaqi, Saidina Abdullah bin Mas'ud dikatakan pernah menyampaikan peringatan (tazkirahnya) di atas tangga sebuah gereja. Ia direkodkan seperti berikut:

عَنْ أَبِي إِدْرِيسَ الْخَوْلَانِيِّ قَالَ : قَامَ فِينَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ عَلَى دَرَجِ هَذِهِ الْكَنِيسَةِ فَمَا أَنْسَى أَنَّهُ يَوْمَ خَمِيسٍ فَقَالَ : « يَا أَيُّهَا النَّاسُ ، عَلَيْكُمْ بِالْعِلْمِ قَبْلَ أَنْ يُرْفَعَ فَإِنَّ مِنْ رَفْعِهِ أَنْ يُفْبَضَ أَصْحَابُهُ ، وَإِيَّاكُمْ وَالتَّبَدُّعُ وَالتَّنَطُّعُ ، وَعَلَيْكُمْ بِالْعَتِيقِ ، فَإِنَّهُ سَيَكُونُ فِي آخِرِ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَقْوَامٌ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ يَدْعُونَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ ، وَقَدْ تَرَكُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ »

Daripada Abu Idris al-Khaulani dia berkata: Abdullah bin Mas'ud pernah berdiri di atas tangga gereja ini dan aku masih tidak dapat melupakannya bahawa ia adalah pada hari khamis. Ibn Mas'ud berucap: Wahai sekalian manusia, hendaklah kamu menuntut ilmu sebelum ilmu ini diangkat dan salah satu cara ilmu ini diangkat (hilang) iaitu dengan dimatikan para ahlinya. Hendaklah kalian menjauhi perbuatan bid'ah dan melampau, dan hendaklah kalian menjadi pembebas kerana sesungguhnya pada akhir zaman ini, terdapat dalam kalangan umat ini satu kaum yang menyangka bahawa mereka itu adalah penyeru kepada kitab Allah, sedangkan mereka meninggalkan kitab Allah di belakang mereka."¹³

¹¹ Musnad al-Syamiyyin li al-Tabrani, no: 1029.

¹² Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi: 20718

¹³ al-Madkhal ila Sunan al-Kubra, no: 388

Tindakan Saidina Abdullah bin Mas'ud ini barangkali berteraskan sabda Nabi yang pernah memberikan galakan kepada umat Islam menyampaikan dakwah sekalipun dalam gereja. Sabda Rasulullah:

مَنْ سَمِعَ صَوْتَ نَاقُوسٍ، أَوْ دَخَلَ كَنِيسَةً أَوْ بَيْعَةً أَوْ بَيْتَ نَارٍ أَوْ أَصْنَامٍ، فَقَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهَ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ عَدَدَ مَنْ لَمْ يَقُلْهَا أَوْ كُتِبَ عِنْدَ اللَّهِ صَدِيقًا

Barangsiapa yang mendengar bunyi loceng, atau masuk ke dalam gereja, atau biara, atau tempat sembah api, atau kawasan berhala, lalu dia mengucapkan: Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan kami tidak menyembah melainkan Allah, maka Allah akan menulis baginya pahala dalam bilangan yang tidak boleh disebutkan, atau dia akan tergolong dalam golongan siddiq (yang membenarkan).¹⁴

SOLAT DI DALAM GEREJA

Bukan sekadar urusan dakwah, para sahabat turut pernah membincangkan mengenai keharusan menunaikan solat di dalam gereja. Saidina Abdullah bin Abbas dikatakan melarang mendirikan solat di dalam gereja yang di dalamnya terdapat patung-patung. Abd al-Razzaq menyatakan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّهُ كَانَ «يَكْرَهُ أَنْ يُصَلِّيَ فِي الْكَنِيسَةِ إِذَا كَانَ فِيهَا تَمَاثِيلُ

Daripada Ibn Abbas, sesungguhnya beliau tidak menyukai solat di dalam gereja yang terdapat di dalamnya patung-patung.¹⁵ Begitu juga dengan Saidina Jabir dan al-Sya'bi yang berpandangan tidak mengapa seseorang itu menunaikan solat di dalam gereja. Pandangan beliau dinukilkan oleh Ibn Abi Syaibah yang menyebutkan:

وَعَنْ جَابِرٍ، عَنِ الشَّعْبِيِّ، قَالَ: لَا بَأْسَ بِالصَّلَاةِ فِي الْكَنِيسَةِ وَالْبَيْعَةِ

Daripada Jabir dan daripada al-Sha'bi, mereka berdua menyatakan bahawa tidak mengapa solat di dalam gereja atau biara.¹⁶

PERBAHASAN ULAMA BERHUBUNG HUKUM MASUK GEREJA

Cadangan Garis Panduan

Melihatkan kepada riwayat-riwayat ini serta isu yang sedang hangat diperkatakan, terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai garis panduan, dan bimbingan buat umat Islam yang merasakan kepada keperluan untuk memasuki gereja. Berikut adalah di antara cadangan yang boleh dipertimbangkan:

(1) Meneliti objektif penganjuran program tersebut.

Pihak berautoriti harusnya menilai dahulu latar belakang penganjur yang ingin melaksanakan program tersebut. Andai objektif utamanya hanyalah untuk memberikan pendedahan tentang agama Kristian, maka ia adalah sesuatu yang boleh dielakkan kerana masih terdapat pelbagai lagi medium yang lebih baik bagi memperkenalkan Muslim tentang agama Kristian. Keberadaan Muslim di dalam gereja yang

¹⁴ Mu'jam al-Kabir, no: 12691

¹⁵ Musannaf Abd al-Razzaq, no: 1608

¹⁶ Musannaf Ibn Abi Syaibah: 4864

mempunyai unsur-unsur mengelirukan boleh melahirkan kekeliruan dalam kefahaman mereka terhadap para Nabi. Atas dasar itulah Rasulullah bersikap tegas mengenai perkara ini bahkan sebahagian ulama menilainya sebagai tempay syaitan kerana ia berupaya menimbulkan keraguan terhadap kefahaman Muslim. Kata al-Humaidi:

فَلَمَّا لَقِيتُ مُسْلِمًا حَدَّثَنِيهِ، وَزَادَ فِيهِ، " وَهِيَ مِدْبَةُ الشَّيْطَانِ، لَا يَسْهُو أَحَدٌ، وَهُوَ يَقُولُ: هَكَذَا "، وَنَصَبَ الْحُمَيْدِيُّ
إِصْبَعَهُ، قَالَ مُسْلِمٌ: وَحَدَّثَنِي رَجُلٌ أَنَّهُ رَأَى الْأَنْبِيَاءَ مُثَلِّينَ فِي كَنِيسَةٍ فِي الشَّامِ فِي صَلَاتِهِمْ قَائِلِينَ: هَكَذَا، وَنَصَبَ
الْحُمَيْدِيُّ إِصْبَعَهُ

Ketika mana aku bertemu dengan al-Imam Muslim dia menyampaikan hadis kepadaku dan menambah: Dan ia (gereja) merupakan tempat (fitnah) syaitan, dan janganlah seseorang pun leka. Dan ia menyatakan sedemikian lalu al-Humaidi mengangkat jari-jarinya. Muslim berkata: Dan seorang lelaki pernah menceritakan kepadaku bahawa dia melihat para Nabi itu dilukiskan (atau dipatungkan) di dalam sebuah gereja di Syam dalam upacara ibadah mereka dan mereka menyatakan: Beginilah (para Nabi). Lalu al-Humadi mengangkat jari-jarinya.¹⁷

(2) Menyaring Pemilihan Muslim Yang Terlibat

Selain menilai objektif penganjuran program tersebut, penyertaan Muslim dalam aktiviti tersebut haruslah diteliti juga. Ini bagi memastikan keberadaan mereka dalam program tersebut berupaya menggugah keyakinan mereka terhadap kepercayaan yang selama ini telah sebatu dalam jiwa manusia. Perhatikan bagaimana Rasulullah sendiri pernah menegur keras Saidina Umar dalam isu pembacaan Taurat. Keteguhan iman Umar bukanlah menjadi isu di sini tetapi langkah pencegahan yang diambil oleh Rasulullah terdapat sebarang elemen yang berupaya menimbulkan keraguan terhadap perkara akidah. Dalam riwayat tersebut menceritakan bagaimana pada suatu hari Umar datang membawa helaian kitab terdahulu (dari Taurat atau Bible) yang beliau terimanya dari ahli Kitab (Yahudi atau Nasrani). Lalu Umar membacanya di hadapan Rasulullah. Tindakan Umar itu mengundang sensitiviti Rasulullah sehingga menyebabkan Baginda marah lalu menegur Umar:

"أُمَّتَهُوْكَوْنَ فِيهَا يَا ابْنَ الْخَطَّابِ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَوْ أَنَّ مُوسَى كَانَ حَيًّا، مَا وَسِعَهُ إِلَّا أَنْ يَتَّبِعَنِي "

“Apakah engkau terpesona dengannya wahai (Umar) Ibn al-Khattab? Dan demi jiwaku yang berada ditanya, sesungguhnya sekiranya Musa masih hidup, maka dia akan mengikuti aku.”¹⁸

Apakah iman Umar terlalu lemah sehingga membaca Bible atau Taurat pun dilarang oleh Rasulullah? Sudah tentu tidak! Tetapi kerana Baginda bersikap tegas dalam perkara ini supaya Muslim menumpukan fokus mereka kepada al-Quran. Sebarang tindakan yang melarikan tumpuan Muslim, bahkan meragukan Muslim dari al-Quran mestilah dijauhi. Kebimbangan Rasulullah ini menjadi asas kepada sarjana Muslim dalam menentukan pendirian seseorang untuk meneroka kitab terdahulu. Bagi al-Imam Ibn Hajar, orang awam yang tidak mahir dalam bidang ini haruslah menjauhkan diri dari membaca. Kata beliau:

وَالأَوَّلَى فِي هَذِهِ الْمَسْأَلَةِ التَّفَرُّقَةُ بَيْنَ مَنْ لَمْ يَتَمَكَّنْ وَيَصِرْ مِنَ الرَّاسِخِينَ فِي الْإِيمَانِ
فَلَا يَجُوزُ لَهُ النَّظَرُ فِي شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ

¹⁷ Musnad al-Humaidi, no: 663

¹⁸ (Musnad Ahmad dan Sunan al-Nasa'i.

“Dan (pendekatan) yang terbaik dalam perkara ini adalah dibezakan antara mereka yang tidak mahir dalam perkara ini, yang bukan dikalangan mereka yang tinggi dalam urusan keimanan, maka tidak harus bagi mereka melihat (membaca) sesuatu daripadanya (Taurat dan Bible).”¹⁹

Manakala al-Imam al-Nawawi pula memberikan alasan yang lain. Menurut beliau, penyelewengan maklumat serta perubahan kandungan kitab-kitab terdahulu ini menjadi punca mengapa Muslim seharusnya mengelakkan diri dari membacanya. Kata beliau:

وكتب التوراة والإنجيل : مما يحرم الانتفاع به ، لأنهم بدلوا وغيروا

“Dan kitab-kitab Taurat dan Injil, adalah sesuatu yang tidak boleh seseorang itu mendapat manfaat daripadanya kerana kandungannya telah diubah dan diseleweng”²⁰ Dan di Malaysia pula, Perkara 11 (4) memberi peruntukan bahawa Undang-undang Negeri dan undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

(3) Tidak Mewar-warkan Secara Terbuka

Secara umumnya program ziarah ke gereja tersebut tidak digalakkan untuk diwar-warkan kepada massa. Hebahan yang berleluasa berupaya mengundang fitnah buat Muslim yang masuk ke gereja itu sendiri bahkan memberikan tempiasnya kepada pihak gereja. Program tersebut sebaiknya disasarkan kepada golongan terpilih sahaja, yang berkeinginan untuk melebarkan dakwah rahmah Islam kepada pihak lain.

(4) Memberikan Penerangan Dahulu

Selain itu, peserta yang terlibat sebaiknya diberikan penerangan dan persediaan mengenainya. Ini bagi mengelakkan kekeliruan terhadap instrumen atau elemen-elemen yang terdapat di dalam gereja. Pengetahuan asas mengenai usuluddin perlu diterapkan agar pihak yang terlibat memahami dengan lebih jelas tujuan ziarah tersebut.

Penutup

Kertas kerja ini merupakan draf awal perbincangan dan wacana mengenai isu program ziarah ke gereja yang dianjurkan oleh pihak Impact Malaysia, salah sebuah agensi di bawah Kementerian Beliau dan Sukan. Data hadis yang disediakan di dalam penyelidikan ini masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam lagi. Secara umumnya sarjana Muslim mempunyai pandangan yang berbeza terhadap keharusan membenarkan seseorang Muslim untuk menziarahi gereja. Beberapa garis panduan yang cermat perlulah disediakan dahulu sebelum seseorang itu masuk ke dalam gereja. Ini selaras dengan pendirian Rasulullah yang dilihat sangat tegas dalam perkara yang melibatkan elemen kekufuran dan syirik. Sebarang ruang yang boleh membawa kepada kekeliruan terhadap agama, para Nabi dan konsep ketuhanan mestilah diperjelaskan dan diperkukuhkan dahulu sebelum seseorang itu didedahkan kepada perkara lain.

¹⁹ Fath al-Bari, 13/525

²⁰ Raudah al-Talibin, 10/259

RUJUKAN

- Abū Dāwūd, al-Sijistānī. 2009. Sunan Abī Dāwūd, ed. al-Arna'ūt. n.p. Dār al-Risāla al-'Ilmiyya.
- Al-'Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajr. 1379H. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār al-Ma'rifa, Bayrūt.
- Al-'Ainī. [t.t.] *'Umda al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.
- Al-'Azīm Abādī, Muḥammad Ashraf ibn Amīr. 1415H. *'Aun al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Daūd*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqī, Aḥmad ibn al-Ḥusayn. 2003. *Sunan al-Kubrā*. Bayrut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah. 1987. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- _____. 1422H. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad al-Nāṣir. Dār Ṭūq al-Naja.
- Al-Dhahabī, Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Abū Abdillāh Muḥammad ibn Ahmad ibn 'Uthmān. 1985. *Siyar A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-Arna'ūt. Muassasa al-Risala.
- _____. 2003. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhir wa al-A'lām*. Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Mubārakfūrī, Muḥammad Abd al-Rahman ibn Abd al-Rahim. [t.t.] *Tuḥfa al-Aḥwazī*. Bayrūt, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Munāwī, 'Abd al-Ra'uf ibn Taj al-Arifin. 1356H. *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ Jami al-Saghir*. Misr. Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Naisābūrī, Muslim ibn Hajjaj. n.d. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.
- Al-Nasā'ī. 2001. *Sunan al-Nasā'ī al-Kubrā*, ed. al-Arna'ūt. Bayrūt: Mu'assasa al-Risāla.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharf. 1392H. *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Hajjāj*. Bayrut: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī.
- Al-San'ani, Muhammad ibn Ismail. [t.t.] *Subul al-Salam*. Dar al-Hadith.
- Al-Sayūṭī, Jalāluddīn 'Abd al-Raḥmān. [t.t.] *al-Luma' fī Asbāb al-Wurūd al-Hadīth*. Dār al-Fikr.
- Al-Shawkānī, Muhammad ibn Ali. 1993. *Nayl al-Auṭār*. Misr: Dār al-Hadīth.
- Al-Shaybānī, Abū 'Abdillāh, Aḥmad ibn Ḥanbal. 2001. *Musnad*. Ed. al-Arna'ūt. Mu'assasa al-Risāla.
- Al-Tirmīzī, Abū 'Isā, Muḥammad ibn 'Isā. 1998. *al-Jāmi' al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Wāqidī. Muhammad ibn Umar. 1989. *al-Maghāzī*. Bayrūt: Dār al-'Ilāmī.
- Al-Qari, Mulla Ali al-Qari. 2002. *Mirqāh al-Mafātiḥ Sharḥ Misykah al-Masabih*. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Qaṣṭalānī, Aḥmad ibn Muḥammad. 1323H. *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Misr: Maṭba'ah al-Kubrā al-Amiriyyah.
- Al-Qurtubī, 1964. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Al-Qahirah, Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Ṭabarī, Muhammad ibn Jarir. 2000. *Tafsīr al-Ṭabarī*, ed. Ahmad Shakir. Muassasa al-Risāla.
- Al-Taḥāwī, Ahmad ibn Muhammad. 1415H. *Sharḥ Mushkil al-Athār*, Muassasa al-Risāla
- Al-Zahabi, Shamsuddin Abu Abdillāh Muhammad ibn Ahmad. t.t. Al-Kaba'ir. Bayrut: Dar al-Nadwa al-Jadidah.
- Azmi, A.S., 2020. *40 Hadis tentang Dakwah dan Tarbiah*. Ulum Hadith
- Ibn 'Abd al-Barr. 1387H. *al-Tamhīd limā fi al-Muwaṭṭā' min al-Ma'ānī wa al-Asānid*. al-Maghrib: Wizārah al-'Umūm al-Awqāf.
- Ibn al-Athīr. 1994. *Usd al-Ghabah fī Ma'rifah al-Sahabah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr. 1997. *al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Arabī.
- Ibn Baṭṭāl, Ali ibn Khalaf. 2003. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn al-Baṭṭāl*. al-Riyad: Maktaba al-Rush.
- Ibn Ḥibbān. 1417H. *al-Sīra al-Nabawiyya wa Akhbār al-Khulafā'*. Bayrūt: al-Kutub al-Thaqafiyya.
- Ibn Hisham. 1955. *al-Sīra al-Nabawiyya*, ed. Mustafā al-Saqā. Maṭba'ah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh.
- Ibn Ishāq, Muḥammad. 2004. *al-Sīrah al-Nabawiyya li Ibn Ishāq*, ed. al-Mazidī. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Jawzī. Abū al-Farj 'Abd al-Raḥmān ibn 'Alī. 1422H. *Zād al-masīr fī 'ilm al-Tafsīr*. Bayrūt: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Majh. Abu Abdillāh Muhammad ibn Yazid. [n.d.] *Sunan Ibn Majh*. Dār Ihyā al-Kutub al-'Arabiyya.
- Ibn Rajb, al-Hanbalī, 'Abd Al-Raḥmān Ibn Ahmad. 1989. *Latā'if al-Ma'ārif fīma Li Mawāsīm al-'Ām Min al-Wazā'if*. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, 'Abdullah ibn Aḥmad. 1968. *al-Mughnī*. Maktabah al-Qāhirah.